

12/08/1997

Mahathir mahu jaminan Bosnia

KUALA LUMPUR, Isnin - Malaysia mahu Kerajaan Bosnia-Herzegovina memberi jaminan bahawa perniagaan dan pelaburan usahawan negara ini di sana mendapat perlindungan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta Kerajaan Bosnia-Herzegovina mengambil langkah positif bagi mengukuhkan keyakinan usahawan dan pelabur Malaysia untuk terus melabur dan meningkatkan pelaburan.

Perdana Menteri menimbulkan perkara itu dalam perbincangan dua hala selama lebih sejam dengan pengerusi bersama Majlis Menteri-Menteri Bosnia-Herzegovina, Dr Haris Siladjic dan Boro Bosic di Jabatan Perdana Menteri hari ini.

Turut menyertai rombongan Bosnia ialah Menteri Perdagangan Luar dan Perhubungan Ekonomi, Dr Hasan Muratovic serta 10 pegawai kanan. Rombongan dari Bosnia-Herzegovina itu tiba semalam untuk lawatan empat hari.

Malaysia turut diwakili Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz serta 16 pegawai kanan kerajaan.

Memberitahu pemberita selepas mesyuarat itu, Abdullah berkata, Malaysia mengharapkan semua perkara yang terkandung dalam Perjanjian Damai Dayton dilaksanakan oleh semua pihak di negara itu.

Menurutnya, Dr Mahathir memberitahu mereka, adalah penting semua pihak yang bersengketa mematuhi perjanjian itu bagi mewujudkan keamanan sebenar di Bosnia-Herzegovina serta kestabilan politik yang berkekalan.

"Perdana Menteri menegaskan apabila ini tercapai, lebih mudah bagi Bosnia Herzegovina mendapat bantuan seperti pelaburan dan kerjasama di bidang ekonomi, hubungan perdagangan dan lain-lain daripada masyarakat antarabangsa termasuk Malaysia," katanya.

Abdullah berkata, Malaysia memang berhasrat mengambil bahagian dalam pembangunan semula Bosnia-Herzegovina tetapi ketika ini, ada sedikit masalah kerana pihak swasta negara ini kurang yakin dengan kestabilan di sana.

"Walaupun kita sedar keadaan di sana bukanlah ideal untuk tujuan ini, adalah penting kerajaan beri perhatian dan juga bantuan serta kerjasama dalam usaha membantu pemulihan Bosnia-Herzegovina yang hancur akibat perang saudara itu," kata Abdullah.

Perdagangan antara Malaysia dan Bosnia-Herzegovina terlalu kecil pada nilai RM4 juta setahun yang memihak kepada Malaysia. Bagaimanapun, Unit Perancang Ekonomi mengenal pasti bantuan projek bernilai RM12 juta untuk dilaksanakan di Sarajevo yang dijangka siap dalam setahun.

Beberapa projek berhubung kesihatan dan pertanian akan dilancarkan beberapa bulan lagi sebaik saja kedua-dua kerajaan bersetuju mengenai kesesuaian dan keutamaannya.

Abdullah berkata, Perdana Menteri serta kedua-dua pemimpin Bosnia-Herzegovina itu - Haris yang mewakili masyarakat Bosnia dan Bosic yang mewakili Serb, mengaku keadaan ekonomi di negara itu agak berlainan daripada Malaysia kerana kesan sistem sosialis sebelum ini.

"Ketiga-tiga pemimpin bersetuju perubahan perlu dilakukan bagi membolehkan hubungan ekonomi dijalankan secara baik yang boleh memberi manfaat kepada kedua-dua pihak.

"Malaysia sanggup mengadakan bengkel perbincangan atau sesi latihan bagi perancang ekonomi Bosnia-Herzegovina termasuk swasta, untuk memahami

kaedah dan cara perjalanan perancangan ekonomi dalam sistem ekonomi pasaran terbuka," katanya.

Menurutnya, Dr Mahathir memberitahu pemimpin Bosnia bahawa Malaysia berpengalaman membantu Vietnam yang juga kurang pengalaman disebabkan sistem ekonomi sosialis.

(END)